

PENDIDIKAN REMAJA DALAM PUSAT PEMULIHAN: MENCARI YANG DITINGGALKAN



Haja Mydin Abdul Kuthoos & Noraida Endut
Pusat Penyelidikan Wanita & Gender (KANITA)
Universiti Sains Malaysia
Email koresponden:
hajamydinusm@gmail.com

Azman Azwan Azmawati
Pusat Pengajian Komunikasi
Universiti Sains Malaysia

Nor Hafizah Selamat & Intan Hashimah Mohd Hashim
Pusat Pengajian Sains
Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Kunci utama dalam membina sumber manusia yang berkualiti dan lestari adalah melalui sebuah sistem pendidikan yang baik. Sebuah sistem pendidikan yang baik mestilah memiliki ciri-ciri seperti inklusif dan kualiti pendidikan yang saksama serta mempromosikan pembelajaran yang melangkaui kumpulan umur sasaran biasa dan menjangkaui ruang serta kerangka masa yang ditetapkan (*Sustainable Development Goal 4*). Berdasarkan piawaian tersebut, kita percaya bahawa sistem pendidikan pemulihan seperti pusat pemulihan tidak seharusnya dipisahkan dan ditinggalkan dalam memikirkan tentang pendidikan yang mampan. Kajian ini merupakan satu usaha penerokaan awal bagi memahami pengalaman serta cabaran yang dihadapi dari perspektif pesalah juvana

Malaysia dalam meneruskan pendidikan sewaktu menjalani hukuman tahanan di pusat pemulihan. Bagi tujuan tersebut, pendekatan kualitatif telah digunakan dengan menjalankan temubual mendalam bersama dua belas orang pesalah juvana yang menjalani hukuman pemulihan di dua buah pusat pemulihan di wilayah utara Malaysia. Hasil temubual memberikan gambaran yang mendalam tentang demografik dan perasaan juvana tentang pengalaman juvana dalam menyambung pengajian sewaktu ditahan di pusat pemulihan. Kajian ini juga memfokuskan kepada wacana gender dalam naratif penghuni di pusat pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat perbezaan dalam pendidikan yang diterima dan di dalam naratif pengalaman di antara juvana lelaki dan perempuan berdasarkan jenis

pusat pemulihan yang mereka tinggalkan. Dapatan kajian juga menunjukkan aspek yang signifikan dalam pendidikan yang diberikan cenderung ke arah menanamkan kemahiran teknikal dan vokasional bagi tujuan meneruskan kehidupan setelah tamat perintah tahanan di pusat pemulihan. Kemahiran yang ditawarkan juga dapat dilihat sebagai bersifat gender dan konvensional. Walaupun pusat pemulihan menekankan kepentingan reintegrasi sosial remaja ke dalam masyarakat, namun naratif tidak banyak merujuk kepada aspek pendidikan atau intervensi yang boleh menyediakan pelajar yang terlibat bagi tujuan tersebut.

Kata kunci: *pendidikan pemulihan, pusat pemulihan, juvana, jenayah, Malaysia*

MENDALAMI PENDIDIKAN PEMULIHAN JUVANA DI MALAYSIA

Usaha Malaysia bagi mencapai status negara maju melibatkan beberapa pelan tindakan menyeluruh yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan. Bagi tujuan tersebut, cara terbaik untuk membina sumber manusia yang berkualiti adalah melalui sistem pendidikan yang baik. Matlamat Pembangunan Lestari 4 atau *Sustainable Development Goal 4* (SDG 4) mencadangkan bahawa sebuah sistem pendidikan mestilah memiliki ciri-ciri seperti inklusif dan kualiti pendidikan yang saksama serta mempromosikan pembelajaran yang melangkaui kumpulan umur sasaran biasa dan menjangkau ruang serta kerangka masa yang ditetapkan (United Nations, 2017). Manakala Mok Soon Sang (2010) pula mencadangkan sebuah sistem pendidikan yang cemerlang mestilah memiliki ciri-ciri seperti sistem pendidikan terbuka, para guru yang proaktif, penyelidikan dan pembangunan yang berterusan, kurikulum yang berkesan, infrastruktur yang cemerlang, dan pengaplikasian teknologi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan piawai tersebut, kita percaya bahawa sistem pendidikan pemulihan seperti pusat pemulihan tidak seharusnya dipisahkan dan ditinggalkan dalam memikirkan tentang pendidikan yang mampan. Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia pada tahun 2017 menunjukkan jumlah kanak-kanak yang terlibat jenayah adalah sebanyak 5,443 orang berbanding dengan tahun 2016 sebanyak 4,886 orang. Unjuran ini menunjukkan peningkatan penglibatan kanak-kanak dalam jenayah sebanyak 600 orang hanya dalam masa setahun. Malah jika dianalisis lebih jauh kes pengulangan jenayah oleh para juvana menunjukkan peningkatan daripada 317 kes pada tahun 2014 kepada 417 kes pada tahun 2015. Keadaan ini membuktikan bahawa wujudnya keperluan mendesak untuk menilai semula sistem pendidikan pemulihan di Malaysia. Di Malaysia, pemulihan pesalah juvana adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang beranggapan salah laku juvana merupakan gejala disebabkan kegagalan remaja menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial mereka (*maladjustment*). Oleh itu, pendekatan yang lebih humanistik digunakan untuk menangani tingkah laku bermasalah remaja. Berdasarkan pemahaman ini, pendekatan kerja

sosial diperlukan untuk membantu dalam proses pemulihan juvana melalui kerja kes berpusatkan keluarga, kaunseling, kerja berkumpulan dan komuniti. Aspek penting dalam pendekatan ini adalah bagi memupuk kemahiran hidup juvana yang merangkumi kemahiran mengatasi masalah dan kemahiran vokasional untuk reintegrasi sosial mereka dalam masyarakat.

Kajian ini merupakan satu usaha penerokaan awal bagi memahami pengalaman serta cabaran yang dihadapi dari perspektif pesalah juvana Malaysia dalam meneruskan pendidikan sewaktu menjalani hukuman tahanan di pusat pemulihan. Bagi tujuan tersebut, pendekatan kaedah kualitatif telah digunakan dengan menjalankan temubual mendalam bersama dua belas orang pesalah juvana yang menjalani hukuman pemulihan di dua buah pusat pemulihan di wilayah utara Malaysia. Hasil temubual memberikan gambaran yang mendalam tentang demografik dan perasaan juvana tentang pengalaman juvana dalam menyambung pengajian sewaktu ditahan di pusat pemulihan.

MENGENALI PENDIDIKAN PEMULIHAN DI MALAYSIA

Institusi pemulihan bagi kanak-kanak dan orang muda di Malaysia terdiri daripada dua kaedah: institusi tertutup dan institusi terbuka. Institusi terbuka dikenali sebagai Sekolah yang Diluluskan (*Approved School*) yang berada di bawah pentadbiran dan pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Manakala, institusi tertutup pula dikenali sebagai Sekolah Lanjutan yang Diluluskan (*Advance Approved School*) atau Sekolah Henry Gurney. Penjara menyediakan pemulihan institusi bagi kanak-kanak dan orang muda yang boleh dihukum dibawah seksyen tersebut. Institusi tertutup ditadbir dan dikendalikan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) (Teh Guan Bee, 2000).

Secara umumnya, kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dengan jenayah yang lebih serius atau mereka yang tidak berjaya dalam kaedah pemulihan lain biasanya dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney untuk pemulihan di bawah kawalan yang lebih ketat. Walaupun institusi terbuka dan tertutup di bawah jabatan yang berbeza, namun matlamat utama kedua-dua institusi tersebut

tetap sama, iaitu bertujuan mempersiapkan para juvana sebaik sahaja mereka melangkah masuk ke pusat pemulihan untuk reintegrasi mereka dengan masyarakat (Teh Guan Bee, 2000).

Ringkasnya, dalam sistem pendidikan juvana di bawah pentadbiran JKM terdapat 11 Asrama Akhlak dan 6 Sekolah Tunas Bakti di seluruh Malaysia. Modul pendidikan bagi pusat pemulihan tersebut disediakan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memfokuskan kepada pembinaan kemahiran dan pusat pemulihan pula memfokuskan pembangunan sendiri. Para guru terdiri daripada jurulatih MARA, Pegawai JKM dan sukarelawan. Mereka menyediakan peluang belajar kemahiran bagi penghuni lelaki dan membenarkan penghuni perempuan menghadiri sekolah harian biasa. Para juvana dijatuhkan hukuman bagi tempoh satu hingga dua tahun mengikut penghakiman. Manakala sistem pendidikan di bawah pentadbiran JPM pula memiliki lapan buah Sekolah Integriti dan empat Sekolah Henry Gurney. Modul pendidikan dan pengajar bagi sekolah tersebut disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah pembelajarannya adalah sama seperti sekolah harian biasa namun hanya menawarkan matapelajaran teras sahaja kepada penghuninya. Tempoh hukuman bagi juvana di sana adalah bergantung kepada tahap keseriusan jenayah mereka. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji hanyalah akan fokuskan sistem pendidikan di bawah tanggungjawab JKM sahaja.

MENILAI PENDIDIKAN PEMULIHAN

McNeely, Nonnemaker, dan Blum (2002) mencadangkan bahawa tingkah laku, motivasi dan kesejahteraan mental dipengaruhi oleh keserasian di antara tahap perkembangan remaja dengan ciri-ciri yang terdapat pada persekitaran sosial mereka. Remaja tidak akan berasa selesa berada di persekitaran sekolah jika persekitaran tersebut tidak kondusif dengan keperluan perkembangan mereka. Suasana pengurusan kelas yang positif, penglibatan dalam aktiviti kurikulum tambahan, polisi disiplin yang bertoleransi dan saiz sekolah yang kecil didapati mempunyai kadar korelasi yang tinggi dengan keserasian remaja dengan sekolah. Melihat kepada bukti kajian ini, adalah penting

untuk kita menilai semula sistem pendidikan pemulihan negara kita.

Sarjana yang menilai program pendidikan penjara-tunggal seperti Chase dan Dickover (1983), Walsh (1985) dan Taylor (1994) mencadangkan bahawa penyertaan institusi pemulihan melalui program pendidikan pemulihan mempunyai impak negatif yang signifikan ke atas pengulangan jenayah. Menurut Duguid (1982), manfaat penting pendidikan pemulihan diperolehi melalui kemampuannya untuk melakukan pembangunan etika dan kognitif bagi pesalah juvana. Walaubagaimanapun, Harer (1995), menyatakan bahawa sesetengah sarjana tidak bersetuju bahawa program seperti itu sederhanakan kesan kejam akibat dipenjarakan dan menawarkan asas bagi pemulihan cara hidup warganegara yang mematuhi undang-undang sebaik dibebaskan.

Menurut Wald dan Losen (2003), juvana dan sistem pendidikan memiliki matlamat yang berbeza hala tuju dan ketiadaan koordinasi di antara keduanya berpotensi membawa lebih kemudaratan kepada golongan pelajar yang berstatus juvana. Sebaik sahaja pesalah muda dirujuk ke sistem kehakiman juvana, mereka banyak ketinggalan persekolahan hanya kerana perlu menghadiri sesi perbincangan walaupun ada kes mereka yang digugurkan. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh sistem keadilan kepada juvana sering terasing daripada sistem persekolahan. Manakala bagi bahagian pendidikan pula, sekolah sukar untuk menawarkan transisi atau program kaunseling kemasukan semula yang mencukupi bagi pesalah muda yang kembali semula ke lokasi tempat tinggalnya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif melalui temubual mendalam. Responden kajian ini dipilih daripada dua pusat pemulihan di wilayah utara Malaysia iaitu Sekolah Tunas Bakti (STB) di Pulau Pinang bagi responden lelaki dan Asrama Akhlak (AA) (P) Jitra di Kedah bagi responden perempuan. Temubual dijalankan bersama tujuh juvana lelaki dan lima orang juvana perempuan. Walaupun responden kajian ini dipilih oleh pihak pentadbir di kedua-

dua pusat pemulihan tersebut, penyelidik telah memastikan bahawa penyertaan responden dalam kajian ini adalah benar-benar sukarela dengan menerangkan maklumat kajian. Setiap responden diberikan borang keizinan penyertaan kajian untuk ditandatangani sebagai persetujuan mengambil bahagian dalam kajian (selepas bertanyakan sama ada mereka memahami maklumat kajian dan isi kandungan borang keizinan penyertaan kajian).

DUNIA DARI PERSPEKTIF JUVANA LELAKI DAN PEREMPUAN DI PUSAT PEMULIHAN

Latar Belakang Responden

Umur responden lelaki sewaktu sesi temubual dijalankan adalah di antara 14 hingga 19 tahun. Bagi bangsa dan agama responden lelaki pula, seorang berbangsa India beragama Hindu, sementara enam orang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Jenis kesalahan yang dilakukan responden adalah: enam orang terlibat jenayah seksual (3 kes rogol: Alias*, Syafiq*, Leman*; 3 kes liwat: Akash*, Danial*, Badrul*) dan seorang (Mani*) terlibat dengan pecah rumah.

Bagi responden perempuan pula, empat orang responden adalah berumur 17 tahun dan seorang berumur 16 tahun sewaktu sesi temubual dijalankan. Seramai empat orang responden adalah berbangsa Melayu dan seorang India serta kesemua responden adalah beragama Islam. Kesemua responden tersebut didakwa atas tuduhan kanak-kanak di luar kawal. Lili* terlibat dengan kes dadah, sementara Devi*, Mas*, Nana* dan Suraya* pula terlibat dengan kes lari dari rumah.

Jadual 1. Ringkasan latar belakang responden mengikut jantina, umur, bangsa, agama, jenis kesalahan dan tahap pendidikan.

NAMA RESPONDEN	BUTIRAN PERIBADI				TAHAP PENDIDIKAN	JENIS KESALAHAN
	Jantina	Umur (Tahun)	Bangsa	Agama		
Akash	Lelaki	17	Melayu	Islam	Belajar Giat Mara	Liwat
Alias	Lelaki	19	Melayu	Islam	Tamat SPM	Rogol
Badrul	Lelaki	15	Melayu	Islam	Berhenti Tingkatan 3	Liwat
Danial	Lelaki	14	Melayu	Islam	Berhenti Tingkatan 1	Liwat
Leman	Lelaki	16	Melayu	Islam	Berhenti Tingkatan 3	Rogol
Mani	Lelaki	15	India	Hindu	Berhenti Darjah 6	Pecah rumah
Syafiq	Lelaki	18	Melayu	Islam	Berhenti lepas PMR	Rogol
Devi	Perempuan	17	India	Islam	Masih belajar	Luar kawal
Lili	Perempuan	17	Melayu	Islam	Masih belajar	Luar kawal
Mas	Perempuan	17	Melayu	Islam	Berhenti Tingkatan 4	Luar kawal
Nana	Perempuan	16	Melayu	Islam	Masih belajar	Luar kawal
Suraya	Perempuan	17	Melayu	Islam	Masih belajar	Luar kawal

Nota: Nama yang tertera dan bertanda * adalah bukan nama sebenar

Majoriti responden lelaki tidak tamat sekolah menengah dan tercicir daripada sistem pendidikan formal di separuh jalan. Daripada kesemua tujuh orang responden, hanya seorang sahaja yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu Alias dengan keputusan yang boleh dibanggakan. Manakala Syafiq pula berhenti belajar sebaik sahaja habis menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Mani berhenti belajar selepas darjah enam kerana hilang minat untuk belajar. Leman juga tidak berjaya menghabiskan pengajiannya di tingkatan tiga, selepas menduduki PMR. Akash pula menyambung pengajiannya di Giat Mara

sebelum dimasukkan ke pusat pemulihan. Danial pula sedang belajar di tingkatan satu sebelum dijatuhkan hukuman tahanan di pusat pemulihan. Manakala Badrul pula belajar setakat tingkatan tiga sahaja. Kesemua responden lelaki adalah tidak berpeluang untuk belajar di sekolah harian atau mendapat pendidikan formal kerana mereka menjalani hukuman pemulihan di pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, mereka dibenarkan untuk mengambil program-program kemahiran yang ditawarkan di pusat pemulihan dan mereka juga dibenarkan untuk mengambil peperiksaan PMR atau SPM secara persendirian dengan bergurukan para sukarelawan.

Bagi responden perempuan pula, dari segi tahap pendidikan, empat orang iaitu Nana, Suraya, Lili dan Devi masih belajar sewaktu ditahan. Walau bagaimanapun, mereka berempat tidak berpeluang menghadiri sekolah sewaktu dalam proses merujuk mereka kepada sistem kehakiman. Kesemua mereka telah menyambung pendidikan formal mereka di sekolah harian biasa selepas mereka ditahan di pusat pemulihan. Manakala Mas pula telah berhenti belajar setakat tingkatan empat kerana dia tidak lagi berminat untuk belajar dan bekerja sebagai jurujual di pasar raya. Ringkasan latar belakang kesemua responden mengikut jantina, umur, bangsa, agama, jenis kesalahan dan tahap pendidikan dinyatakan dalam Jadual 1.

Pengalaman Responden Lelaki

Para responden memberikan perincian aktiviti harian mereka, terutamanya pengalaman pembelajaran mereka. Kesemua jujua lelaki yang ditemubual menyatakan bahawa aktiviti harian utama adalah perhimpunan pagi berserta kawad ala tentera, bengkel latihan vokasional serta sembahyang secara berjemaah bagi penghuni Islam. Mereka juga perlu turun untuk aktiviti sukan pada waktu petang. Penghuni STB adalah tidak dibenarkan menghadiri sekolah harian biasa di luar STB. Latihan vokasional adalah wajib kepada semua penghuni STB yang meliputi bengkel kimpalan, automotif, komputer, gunting rambut dan bengkel motor. Penghuni STB boleh memilih salah satu daripada bengkel tersebut. Menurut Alias:

Saya ambil kimpalan kat sini, dapat sijil SLDN, Kemahiran Tahap 1. Saya rasa ada peluang sambung belajar di sini. Cikgu (jurulatih STB) kata, kalau dah bebas nanti dan saya mahu sambung belajar boleh bincang dengan dia, dia akan tolong ambilkan borang permohonan (ke institusi pilihan saya).

Responden secara umumnya memiliki pengalaman belajar yang baik dengan para guru dan jurulatih di STB serta merasakan bahawa kakitangan STB sangat membantu dalam menasihati mereka tentang peluang sambung latihan vokasional setelah mereka keluar dari STB. Namun, perhatian juga harus diberikan kepada kemungkinan adanya penghuni yang tidak gembira disebabkan terhadnya pilihan pendidikan vokasional yang ditawarkan di pusat pemulihan dan mereka lebih minati kemahiran yang lain. Danial menyatakan bahawa:

Saya sangat minat dan pandai menjahit (sejak sebelum saya masuk STB) namun, mereka tidak tawarkannya di sini. Sini ada bengkel gunting rambut, saya ambil je yang itu.

Menurut responden selain daripada bengkel, pusat pemulihan STB juga menawarkan mereka peluang untuk menduduki peperiksaan SPM atau Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di dalam pusat pemulihan sekiranya mereka berminat. Guru daripada luar akan datang ke STB untuk mengajar pelajar-pelajar tersebut satu jam sehari. Sesetengah responden telah pun merancang untuk sambung belajar setelah dibebaskan nanti. Alias menyatakan bahawa:

Saya nak sambung belajar di Melaka nanti. Jurulatih bengkel kimpalan saya dulu ada ajak saya tinggal denganya di sana sementara saya sambung belajar. Saya nak jadi juru kimpal yang berjaya.

STB sangat ketat dalam menjalankan pendidikan agama. Menurut responden, semua penghuni Islam lelaki diwajibkan untuk sembahyang berjemaah. Pihak pengurusan STB akan melakukan pemantauan sama ada semua penghuninya menunaikan sembahyang atau tidak dan sama ada mereka sertai aktiviti-aktiviti keagamaan lain atau tidak. Hampir kesemua responden menyatakan

bahawa mereka tidak mengikut ajaran agama sebelum mereka menjalani penahanan di STB: mereka tidak menunaikan solat lima waktu, tidak tahu membaca *Al-Quran* dan hanya memiliki pengetahuan yang terhad tentang butiran dan ajaran Islam yang betul. Setelah mereka dihukum masuk ke pusat pemulihan, mereka merasakan bahawa kelas keagamaan menyumbang kepada pemahaman agama yang lebih baik. Dalam kelas keagamaan tersebut, mereka belajar cara menunaikan solat, membaca *Al-Quran* dan menjadi lebih alim. Akash menyatakan bahawa:

Saya dah berubah menjadi baik sekarang. Saya selalu sembahyang sekarang, tetapi tidak ketika duduk di rumah dulu.

Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa perubahan baik mereka kini hanyalah diamalkan sewaktu menjalani tempoh hukuman dan sebaik dibebaskan mereka akan kembali kepada tingkah laku bermasalah mereka. Misalnya, Leman menyatakan bahawa:

Saya berubah hanya di sini, nanti dah bebas, saya akan buat balik (tingkah laku bermasalah).

Pengalaman Responden Perempuan

Bagi responden perempuan, mereka boleh memilih antara pergi ke sekolah atau mengambil kelas menjahit, mereka boleh menghadiri sekolah harian biasa, mereka boleh bermain sukan seperti badminton, bola jaring, dan menjalankan kegiatan keagamaan. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pengalaman mereka dalam menerima pendidikan sewaktu dalam tahanan. Responden perempuan yang memilih kelas menjahit, akan diajar di pusat pemulihan. Manakala responden yang memilih untuk menghadiri sekolah harian biasa akan dihantar ke sekolah harian biasa di luar pusat pemulihan. Perjalanan pelajar untuk pergi dan balik sekolah diuruskan oleh pengurusan pusat pemulihan sendiri menggunakan kenderaan milik pusat pemulihan. Menurut Devi:

Penghuni AA yang menjalani tempoh hukuman melebihi 3 bulan dibenarkan untuk pergi sekolah, jadi saya sambung belajar Tingkatan 5.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka tidak boleh memilih kemahiran yang mereka minati kerana peraturan AA adalah penghuni hanya boleh memilih antara hadir ke sekolah atau mengambil kelas menjahit. Nana menyatakan bahawa dia amat meminati kelas menjahit, namun apabila Nana memohon kebenaran pengurusan AA untuk mengambil kelas menjahit, AA tidak memberikan kebenaran kerana Nana masih bersekolah. Mas menyatakan bahawa:

Mereka tidak menawarkan kelas memasak di sini.

Kebanyakan responden perempuan juga berkongsi pengalaman mereka dibuli di pusat pemulihan dan didiskriminasi di sekolah. Menurut Lili, adalah satu kewajipan setiap penghuni baru yang memasuki AA dibuli. Contohnya, penghuni baru akan dibuli dengan dipaksa menghabiskan makanan dan mencuci pakaian dalam orang lain. Lili juga menyatakan dulu ada seorang penghuni baru disumbat berus gigi ke dalam kemaluannya oleh pembuli. Selain itu, semua responden menyatakan mereka didiskriminasi oleh para guru di sekolah tetapi bukannya oleh pelajar-pelajar lain. Ada juga responden yang menyatakan bahawa, walaupun mereka mendapat keputusan peperiksaan yang baik dalam kelas dan mereka benar-benar meminati subjek yang dipelajari namun mereka tidak faham punca bagi sesetengah guru membenci dan diskriminasi mereka. Misalnya, menurut Devi:

Kawan-kawan dalam kelas seni tak akan cakap dengan saya sebab takut. Mereka tidak mahulah saya kena marah. Cikgu tu kata macam ni, "Jangan lah duk kawan dengan Devi ni. Devi ni budak AA. Dia banyak "pengalaman". Budak AA ni bukan baik-baik sangat, ada hisap gam, ada yang buat dengan laki ni, tidur dengan laki tu...". Jadi saya rasa macam, benda itu bukan saya buat pun, kenapa nak bagi tahu kan. Kiranya tanggapan dia budak AA ni memang teruk perangai semua. Keputusan belajar saya memang baik. Folio Seni saya dapat 96%, Seni saya dapat 80% tapi saya tidak tahu kenapa dia cakap macam tu kat saya.

Pendidikan agama Islam di AA diajar secara tegas dan ketat. Hal ini menimbulkan reaksi yang berbeza daripada responden. Menurut responden, semua penghuni AA yang beragama Islam diwajibkan sembahyang mengikut waktu, dan pengurusan AA akan memantau sama ada penghuni AA menunaikan solat atau tidak dan sama ada mereka sertai aktiviti keagamaan lain atau tidak. Hampir kesemua responden menyatakan bahawa mereka tidak mengikut ajaran agama sebelum mereka menjalani penahanan di AA: mereka tidak menunaikan solat 5 waktu, tidak tahu membaca *Al-Quran* dan hanya memiliki pengetahuan yang terhad tentang butiran dan ajaran Islam yang betul. Mereka merasakan bahawa kelas keagamaan di AA menyumbang kepada pemahaman agama yang lebih baik. Dalam kelas keagamaan tersebut, mereka diajar cara menunaikan solat, membaca *Al-Quran* dan menjadi lebih alim. Mas menyatakan bahawa:

Sewaktu saya masuk ke sini, saya tidak tahu langsung macam mana nak sembahyang dan lain-lain. Lepas masuk, saya belajarlah, bolehlah sikit-sikit.

Sementara itu, Devi yang didaftarkan sebagai beragama Islam menyatakan dia tidak berminat dalam belajar dan amalkan ajaran Islam kerana dirinya dipaksa oleh keluarganya untuk memeluk agama Islam dan dia tidak berniat untuk kekal sebagai seorang Islam.

Adalah perlu diberikan perhatian bahawa sewaktu penghuni perempuan di AA diberikan pilihan untuk hadir ke sekolah harian biasa, namun kebanyakannya tidak dapat hadir ke sekolah mereka disebabkan mereka perlu hadir ke mahkamah sewaktu kes mereka dibicarakan. Perlu juga diberikan perhatian bahawa penghuni AA yang menjalani hukuman kurang daripada 3 bulan juga tidak dibenarkan memilih menghadiri sekolah harian biasa. Keadaan mereka yang tinggal sementara waktu di pusat pemulihan ini membuktikan penemuan kajian Wald dan Losen (2003) bahawa sebaik sahaja pesalah muda dirujuk ke sistem pengadilan, mereka akan sering gagal hadir ke sesi persekolahan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan juga perbezaan antara pengalaman juvana lelaki dan perempuan. Maklumbalas daripada pihak pengurusan menunjukkan bahawa penghuni STB merupakan golongan muda yang melakukan jenayah dan dibawa ke sistem keadilan juvana. Penghuni AA pula memasuki AA atas arahan mahkamah atau dihantar ke AA oleh ibubapa atau penjaga penghuni kerana tidak mampu mengawal tingkah laku bermasalah anak perempuan mereka. Oleh yang demikian, dari perspektif pihak pengurusan STB, disebabkan juvana lelaki terlibat dengan kesalahan yang serius, maka mereka tidak sesuai untuk ditempatkan di sekolah harian bagi mengikuti proses pembelajaran. Justeru, mereka akan mengikuti pembelajaran di dalam pusat pemulihan. Dalam keadaan ini, penghuni di pusat pemulihan seperti itu mungkin mendapat manfaat daripada pendidikan pemulihan yang memberikan mereka rasa pemilikan terhadap proses pembelajaran mereka. Hal ini dibantu oleh kepelbagaian pilihan kelas kemahiran yang ditawarkan kepada penghuni di dalam pusat pemulihan tersebut. Ditambah lagi dengan sokongan dan nasihat daripada jurulatih pusat pemulihan juga memberikan sumbangan yang bernilai dalam menimbulkan perasaan yang positif dalam kalangan penghuni tentang sambung belajar sewaktu ditahan. Perkara ini secara tidak langsung akan membawa kepada hasil yang positif apabila mereka kembali semula ke masyarakat.

Pendekatan untuk membenarkan penghuninya menghadiri sekolah harian biasa seperti yang diamalkan oleh AA mungkin juga bermanfaat kepada para juvana. Walau bagaimanapun, perhatian dan pertimbangan yang mendalam perlu diberikan kepada kesejahteraan para juvana yang menghadiri sistem persekolahan harian biasa. Pusat pemulihan mungkin boleh membuat persediaan bersama pihak sekolah dengan menjelaskan matlamat pemulihan kepada para guru di sekolah. Dengan ini, para juvana tidak distigma sewaktu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, pendekatan pendidikan agama di pusat pemulihan juga mungkin memberikan kesan yang positif kepada penghuninya. Kebanyakan para juvana merasakan bahawa mereka telah menerima

manfaat kerohanian daripada kuliah agama dan aktiviti keagamaan yang dianjurkan. Walau bagaimanapun, pemantauan yang berterusan terhadap kaedah dan pendekatan yang digunakan sewaktu intervensi keagamaan adalah amat wajar bagi memastikan kelestarian pembelajaran agama yang akan menyumbang kepada penambahbaikan etika dan moral penghuni pusat pemulihan walaupun setelah mereka dibebaskan.

Walaupun pusat pemulihan menekankan kepentingan integrasi semula sosial remaja ke dalam masyarakat, namun tidak banyak naratif yang merujuk kepada aspek pendidikan atau intervensi yang menyediakan penghuninya ke arah itu. Sesetengah pelajar tidak mencapai objektif pendidikan pemulihan disebabkan mereka terganggu dengan faktor-faktor yang telah dibincangkan sebelum ini. Perkara tersebut berkemungkinan membawa kepada pengulangan masalah tingkah laku atau jenayah.

RUJUKAN

- Chase, L. and Dickover, R. (1983). University Education at Folsom Prison: An Evaluation. *Journal of Correctional Education*. 34, 92-95.
- Duguid, S. (1982). Rehabilitation through Education: A Canadian Model. *Journal of Offender Counseling, Services and Rehabilitation*. 6, 53-67.
- Harer, M. D. (1995). Recidivism among Federal Prisoners Released in 1987. *Journal of Correctional Education*. 46, 98-128.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). "*Laporan Statistik Malaysia 2017: Jabatan Kebajikan Masyarakat*". Malaysia: Bahagian Kawalan Standard, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). "*Perkhidmatan Institusi - Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016*". Malaysia: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- McNeely, C. A., Nonnemaker, J. M., & Blum, R. W. (2002). Promoting student connectedness to school: Evidence from the National Longitudinal Study of Adolescent Health. *Journal of School Health*, 72(4), 138-147.
- Mok Soon Sang, (2010). *Falsafah dan pendidikan di Malaysia* (Edisi ke-3). Selangor: Multimedia Sdn. Bhd.
- Taylor, J. M. (1994). Should Prisoners Have Access to Collegiate Education? A Policy Issue. *Educational Policy*. 8, 315-38.
- Teh Guan Bee. (2000). Institutional treatment and management of organizations for juvenile offenders in Malaysia. *118 International Training Course, Participant Papers. Resource Material Series*, 59. 203-219.
- United Nations. (2017). Sustainable Development Goals. Goal 4: *Ensure inclusive and quality education for all and promote lifelong learning*. Diakses pada 20 April 2020, daripada <http://www.un.org/sustainabledevelopment/education/>
- Wald, J. & Losen, D. J. (2003). Defining and redirecting a school-to-prison pipeline. *New Direction for Youth Development*, 99. 9-15. <https://doi.org/10.1002/yd.51>.
- Walsh, A. (1985). An evaluation of the effects of adult basic education on rearrest rates among probationers. *Journal of Offender Counseling, Services, and Rehabilitation*, 9(4), 69-76. https://doi.org/10.1300/J264v09n04_07.